

# YS, UMS bersetuju kerjasama dalam pelbagai bidang



Musa Aman

KOTA KINABALU: Yayasan Sabah dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) memulakan kerjasama dalam bidang penyelidikan, penerbitan, latihan dan pembangunan dalam bidang sosial, pendidikan, sains semulajadi dan pelbagai aktiviti komersial.

Satu Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai perkara ini akan ditandatangani pada pagi Khamis di antara Yayasan Sabah diwakili Pengarahnya Datuk Musa Aman dan Naib Kanselor UMS Datuk Dr. Abu Hassan Othman, di Likas, disaksikan oleh Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee.

Di bawah MoU lima tahun itu, Yayasan dan UMS bersetuju:

- menjalankan projek latihan dan pembangunan latihan;
- meningkatkan dan memajukan pengetahuan dalam bidang kepelbagaian kajiayatan perhutanan, pengekalan dan sebarang aktiviti berkaitan perhutanan sejajar dengan pembangunan sumber hutan; o melahirkan pekerja-pekerja

yang berilmu dan relevan; o penambahan dan peningkatan pendidikan serta penyebaran pengetahuan melalui perkhidmatan sosial dan khidmat masyarakat; o penghargaan anugerah keahlihan dan penyelidikan; dan penubuhan tabung khas untuk tujuan-tujuan di atas.

Musa berkata bahawa Yayasan telah bersetuju untuk menyertai kerjasama dengan UMS memandangkan universiti tunggal di Sabah itu yakin-pengalaman dan bantuan kedua-dua pihak boleh memberikan faedah kepada orang ramai.

Sementara itu, Abu Hassan yakin bahawa persetujuan itu akan meningkatkan lagi usaha sama dari segi kepakaran antara kedua-dua organisasi.

"Sesungguhnya, banyak projek penting akan dirancang untuk melanjutkan pengembangan pengetahuan, kemahiran dan persaingan di kalangan rakyat Sabah, yang seterusnya boleh memberi sumbangan berkesan dalam bidang pembangunan sosial, ekonomi dan sains kepada rakyat Malaysia di Sabah," katanya.